

# Perikatan Nasional masih relevan

**SHAH ALAM** - Perikatan Nasional masih relevan untuk dikekalkan meskipun Parti Pri-bumi Bersatu Malaysia (Bersatu) telah bersetuju untuk menyertai Muafakat Nasional.

Felo Penyelidik Institut Kajian Politik Malaysia, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Achmad Dzariean Mohd Nadzri berkata, ini kerana kedua-dua entiti itu mempunyai kelebihan tersendiri yang perlu dikekalkan.

“Apa yang kita dapat lihat dalam Muafakat Nasional itu adalah wadah perjuangan parti politik orang Melayu, kalau perbezaannya dengan



**ACHMAD DZARIEAN**



**SYED AGIL**

Perikatan Nasional, mungkin Perikatan Nasional ada bukan bumiputera.

“Jadi pada pandangan saya elok juga ada dua entiti ini, satu Muafakat Nasional yang menumpukan kepada perjuangan orang Melayu Islam dan satu lagi mungkin yang boleh fokus kepada bu-

kan bumiputera,” katanya.

Dalam pada itu, Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Syed Agil Alsagoff berkata, Perikatan Nasional akan terkubur selepas Bersatu menyertai Muafakat Nasional.

“Ini disebabkan oleh Bersatu adalah pelopor Perikatan Nasional dan yang kedua Perikatan Nasional tidak didaftarkan sebagai gabungan parti politik, menyebabkan kesukaran bagi anggota-anggota komponen parti itu dapat memberikan komitmen padu terhadap gabungan itu,” katanya.